

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Khamis, 2 November 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK JENAYAH, MALAYSIA, 2023

Jenayah indeks dan jenayah komersial masing-masing menurun sebanyak 4.1 peratus dan 3.0 peratus pada 2022. Manakala, jenayah siber meningkat 44.3 peratus dalam tempoh yang sama

PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Statistik Jenayah, Malaysia, 2023**. Laporan ini memuatkan sembilan statistik jenayah terpilih iaitu Jenayah Indeks, Jenayah Keganasan & Seksual, Dadah, Rasuah, Pematuhan Alam Sekitar, Kesalahan Trafik, Jenayah Komersial, Jenayah Maritim dan Fasiliti Pemulihan bagi tahun 2020 hingga 2022. Statistik yang dikeluarkan ini adalah berdasarkan rekod pentadbiran yang diperoleh daripada pelbagai agensi. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan garis panduan daripada *International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0* yang diterbitkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC). Statistik yang disediakan boleh digunakan untuk mengukur aspek sosial khususnya kesejahteraan rakyat serta keselamatan awam.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “**jenayah indeks** dan jenayah komersial masing-masing menurun sebanyak 4.1 peratus dan 3.0 peratus kepada 50,813 kes dan 30,536 kes pada 2022. Manakala, jenayah siber meningkat 44.3 peratus kepada 577 kes daripada 400 kes dalam tempoh yang sama. Jenayah indeks merangkumi jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Kedua-dua jenayah ini masing-masing menunjukkan penurunan 10.0 peratus dan 2.4 peratus kepada 10,348 kes dan 40,465 kes pada 2022”.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Khamis, 2 November 2023**

Kesemua jenis kesalahan di bawah jenayah komersial pada 2022 yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia menurun kecuali kesalahan berkaitan wang palsu dan jenayah siber. Kesalahan tipu merekodkan bilangan tertinggi iaitu 27,247 kes (89.2%) diikuti pecah amanah (911 kes; 3.0%) dan kesalahan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (832 kes; 2.7%).

Sementara itu, bagi kes berkaitan **dadah** meliputi membekal dadah, memiliki dadah dan positif ujian urin menunjukkan peningkatan sebanyak 30.6 peratus kepada 141,289 kes pada 2022. Kesalahan membekal meningkat sebanyak 18.0 peratus, memiliki dadah meningkat sebanyak 35.1 peratus dan positif ujian urin meningkat 31.2 peratus berbanding 2021. Bilangan tangkapan berkaitan kes dadah pula meningkat 26.3 peratus kepada 163,697 tangkapan pada 2022 seperti yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia.

Bagi kes berkaitan **rasuah**, bilangan kertas siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan penurunan 1.0 peratus kepada 820 kes (2022) daripada 828 kes (2021). Kertas siasatan bagi semua jenis kesalahan pada 2022 merekodkan penurunan kecuali kesalahan tuntutan palsu dan memberi rasuah masing-masing meningkat 41.1 peratus dan 17.9 peratus. Bilangan tangkapan yang dibuat oleh SPRM meningkat 6.8 peratus pada 2022 dengan 909 tangkapan berbanding 851 tangkapan (2021). Bilangan tangkapan bagi kesalahan tuntutan palsu pada 2022 meningkat sebanyak 66.9 peratus. Manakala, tangkapan bagi memberi rasuah, menerima rasuah dan salah guna kedudukan mencatatkan penurunan dalam tempoh yang sama.

Bilangan kes **jenayah seksual** meningkat 2.9 peratus pada 2022 dengan 3,303 kes berbanding 3,209 kes pada 2021. Walau bagaimanapun, kes seks luar tabii, gangguan seksual dan cabul kehormatan masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 10.4 peratus, 5.7 peratus dan 0.5 peratus. Kes rogol mencatatkan peratus peningkatan tertinggi pada 2022 iaitu 9.6 peratus.

Dari aspek **pematuhan alam sekitar**, bilangan saman yang dikeluarkan bagi pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2022 merekodkan peningkatan 119.1 peratus kepada 631 saman daripada 288 saman (2021). Saman yang dikeluarkan kepada

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Khamis, 2 November 2023**

bas dan kereta/ van masing-masing menunjukkan penurunan iaitu 12.5 peratus dan 5.6 peratus. Saman tertinggi dikeluarkan adalah kepada lori (550 saman) diikuti oleh trak ringan (50 saman), kereta/ van (17 saman) dan bas (14 saman).

Bilangan saman **trafik** yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia pada 2022 meningkat 15.3 peratus kepada 5.3 juta saman berbanding 2021 (4.6 juta saman). Saman POL_170A meningkat 8.3 peratus kepada 3.2 juta saman dan POL_257 meningkat 28.3 peratus kepada 2.1 juta saman.

Bagi **jenayah maritim**, bilangan tangkapan tertinggi yang dilaporkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 2022 adalah kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (604 kes) dengan peningkatan 5.0 peratus berbanding 575 kes (2021). Ini diikuti kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dengan 203 kes (2022) berbanding 198 kes (2021) dan Akta Imigresen 1959/63 dengan 199 kes (2022) berbanding 137 kes (2021).

Dari segi **fasiliti pemulihan**, bilangan orang diparol yang direkodkan oleh Jabatan Penjara Malaysia pada 2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus kepada 7,613 orang berbanding 7,218 orang (2021). Daripada jumlah tersebut, 96.9 peratus adalah lelaki manakala 3.1 peratus adalah perempuan. Manakala, bilangan kemasukan banduan sabitan meningkat 24.5 peratus pada 2022 (104,081 penghuni) berbanding 2021 (83,592 penghuni). Selangor merekodkan bilangan kemasukan banduan sabitan tertinggi iaitu 27,765 penghuni diikuti Kedah (8,980 penghuni), Johor (8,635 penghuni) dan Sabah (8,412 penghuni).

Statistik Jenayah, Malaysia, 2023 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (www.dosm.gov.my).

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Khamis, 2 November 2023**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 2 November 2023

Carta 1: Bilangan kes jenayah indeks, jenayah komersial dan dadah, Malaysia, 2020-2022




Sumber: Polis Diraja Malaysia

Nota:

Kes dadah meliputi membekal, memiliki dan positif ujian urin

Carta 2: Jenayah indeks, jenayah kekerasan dan jenayah harta benda, Malaysia, 2020-2022



Sumber: Polis Diraja Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 2 November 2023

Jadual 1: Bilangan kes jenayah komersial, Malaysia, 2021 dan 2022

Jenis kesalahan	2021	2022	Peratus perubahan (%)
Tipu	28,842	27,247	-5.5
Pecah amanah jenayah	942	911	-3.3
Akta Pemberi Pinjam Wang 1951	847	832	-1.8
Jenayah siber	400	577	44.3
Wang palsu	204	776	280.4
Pemalsuan	115	81	-29.6
Salah guna harta	57	28	-50.9
Kes VCD/ DVD tanpa sijil B ^a	21	7	-66.7
Lain-lain kes ^b	62	77	24.2
Jumlah	31,490	30,536	-3.0


Sumber: Polis Diraja Malaysia

Nota:

^a Akta Penapisan Filem 2002

^b Termasuk Akta Kesalahan Kecil (Akta 336), Akta Imigresen (Akta 155), Akta Pendaftaran Negara (Akta 78), Akta Pasport (Akta 150), Akta Bank Negara (Akta 519), Akta Kastam (Akta 235), Akta Profession Undang-undang (Akta 166), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Akta 301), Akta Pemegang Pajak Gadaai (Akta 81), dan lain-lain


Paparan 1: Bilangan kes dan tangkapan dadah, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Polis Diraja Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 2 November 2023

Paparan 2: Bilangan saman yang dikeluarkan bagi pelepasan asap hitam mengikut jenis kenderaan, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Paparan 3: Statistik saman yang dikeluarkan oleh PDRM mengikut jenis saman, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Polis Diraja Malaysia

Nota:

1. Saman POL_170A adalah notis yang dikeluarkan secara postal atau diletak pada kenderaan atas kesalahan trafik dan ianya dikeluarkan tanpa kehadiran pemandu atau tanpa ditahan oleh polis
2. Saman POL_257 dikeluarkan secara langsung kepada pesalah trafik apabila kesalahan dikesan dan diserahkan kepada pemandu atau pengguna jalan raya yang ada bersama-sama pada masa kesalahan itu dilakukan. Saman ini juga digunapakai selepas selesai sesuatu siasatan kes kemalangan jalan raya

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
2 NOVEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

CRIME STATISTICS, MALAYSIA, 2023

Crime index and commercial crime decreased by 4.1 per cent and 3.0 per cent respectively in 2022. Meanwhile, cyber crime increased by 44.3 per cent during the same period

PUTRAJAYA, 2nd NOVEMBER 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published **Crime Statistics, Malaysia, 2023**. This report contains nine selected crime statistics which are Crime Index, Violence & Sexual Crime, Drugs, Corruption, Environment Compliance, Traffic Offences, Commercial Crime, Maritime Crime and Correctional Facility for the years of 2020 to 2022. These released statistics are based on administrative records obtained from various agencies. The compilation of these statistics are based on the guidelines from the International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0 published by the United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). The statistics provided can be used to measure social aspects, especially the well-being of the people as well as public safety.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “**crime index** and commercial crime decreased by 4.1 per cent and 3.0 per cent respectively to 50,813 cases and 30,536 cases in 2022. Meanwhile, cyber crime increased by 44.3 per cent to 577 cases from 400 cases during the same period. The crime index includes assault crimes and property crimes. Both crimes showed a decrease of 10.0 per cent and 2.4 per cent, respectively to 10,348 cases and 40,465 cases in 2022”.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**

All types of offences under **commercial crime** in 2022 reported by Royal Malaysia Police decreased except offences related to counterfeit money and cyber crime. Fraud offences recorded the highest number of 27,247 cases (89.2%) followed by criminal breach of trust (911 cases; 3.0%) and offences under the Money Lenders Act 1951 (832 cases; 2.7%).

Meanwhile, the cases related to **drugs** which include supply of drugs, drug possession and positive urine test showed an increase of 30.6 per cent to 141,289 cases in 2022. Supply offenses increased by 18.0 per cent, possession of drugs increased by 35.1 per cent and positive urine tests increased by 31.2 per cent as compared to 2021. The number of arrests related to drugs increased 26.3 per cent to 163,697 arrests in 2022 as reported by the Royal Malaysia Police.

As for cases related to **corruption**, the number of investigation papers opened by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) recorded a decrease of 1.0 per cent to 820 cases (2022) from 828 cases (2021). Investigation papers for all types of offences in 2022 recorded a decrease except for false claims and giving bribes offences which increased by 41.1 per cent and 17.9 per cent, respectively. The number of arrests made by the MACC increased by 6.8 per cent in 2022 with 909 arrests as compared to 851 arrests (2021). The number of arrests for false claim offences in 2022 increased by 66.9 per cent. Meanwhile, arrests for giving bribery, accepting bribery and misuse of position recorded a decrease during the same period.

The number of **sexual crime** cases increased by 2.9 per cent in 2022 with 3,303 cases as compared to 3,209 cases in 2021. However, unnatural sex cases, sexual harassment and molest cases decreased by 10.4 per cent, 5.7 per cent and 0.5 per cent respectively. Rape cases recorded the highest percentage of increase in 2022 at 9.6 per cent.

In terms of **environment compliance** aspect, the number of summonses issued for black smoke emissions by the Department of Environment (DOE) in 2022 recorded an increase of 119.1 per cent to 631 summonses from 288 summonses (2021). Summonses issued to buses and cars/ vans showed a decrease of 12.5 per cent and 5.6 per cent, respectively. The highest

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**

summonses issued were for lorries (550 summonses) followed by light trucks (50 summonses), cars/ vans (17 summonses) and buses (14 summonses).

Number of **traffic** summonses issued by the Royal Malaysia Police in 2022 increased 15.3 per cent to 5.3 million summonses as compared to 2021 (4.6 million summonses). POL_170A summons increased by 8.3 per cent to 3.2 million summonses and POL_257 increased by 28.3 per cent to 2.1 million summonses.

For **maritime crime**, the highest number of arrests reported by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) in 2022 was offence under the Fisheries Act 1985 (604 cases) with an increase of 5.0 per cent as compared to 575 cases (2021). This was followed by offence under the Merchant Shipping Ordinance 1952 with 203 cases (2022) as compared to 198 cases (2021) and Immigration Act 1959/63 with 199 cases (2022) as compared to 137 cases (2021).

In terms of **correctional facility**, the number of parolees recorded by the Malaysian Prison Department in 2022 recorded an increase of 5.5 per cent to 7,613 persons as compared to 7,218 persons (2021). Of that amount, 96.9 per cent are males while 3.1 per cent were females. Meanwhile, the number of convicted prisoners admission increased 24.5 per cent in 2022 (104,081 inmates) as compared to 2021 (83,592 inmates). Selangor recorded the highest number of convicted prisoners admission at 27,765 inmates followed by Kedah (8,980 inmates), Johor (8,635 inmates) and Sabah (8,412 inmates).

Crime Statistics, Malaysia, 2023 can be downloaded for free on the Department of Statistics, Malaysia portal (www.dosm.gov.my).

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 2nd November 2023

Chart 1: Number of crime index, commercial crime and drug cases, Malaysia, 2020-2022




Source: Royal Malaysia Police

Note:

Durg cases cover supply, possess and positive urine test

Chart 2: Crime index, assault crime and property crime, Malaysia, 2020-2022



Source: Royal Malaysia Police

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**

Table 1: Number of commercial crime cases, Malaysia, 2021 and 2022

Type of offences	2021	2022	Percentage change (%)
Fraud	28,842	27,247	-5.5
Criminal breach of trust	942	911	-3.3
Money Lender ACT 1951	847	832	-1.8
Cyber crime	400	577	44.3
Counterfeit money	204	776	280.4
Forgery	115	81	-29.6
Misuse of property	57	28	-50.9
Case of VCD/ DVD without certificate B ^a	21	7	-66.7
Other cases ^b	62	77	24.2
Total	31,490	30,536	-3.0


Source: Royal Malaysia Police

Notes:

^a Film Censorship Act 2002

^b Minor Offences Act (Act 336), Immigration Act (Act 155), National Registration Act (Act 78), Passport Act (Act 150), National Bank Act (Act 519), Customs Act (Act 235), Legal Profession Act (Act 166), Printing Presses and Publishing Act (Act 301), Mortgagee Act (Act 81), etc


Exhibit 1: Number of drug cases and arrests, Malaysia, 2021 and 2022



Source: Royal Malaysia Police


Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 2nd November 2023**

**Exhibit 2: Number of summonses issued for black smoke emissions
by type of vehicle, Malaysia, 2021 and 2022**



Source: Department of Environment

**Exhibit 3: Statistics of summons issued by PDRM according to the type
of summons, Malaysia, 2021 and 2022**



Source: Royal Malaysia Police

Notes:

1. POL_170A summons is a notice issued by post or placed on a vehicle for a traffic offences and it is issued without the presence of the driver or without being detained by the police
2. POL_257 summons is issued directly to a traffic offender when an offences is detected and handed over to the driver or road user who was present at the time the offences was committed. This suit is also used after the completion of an investigation into a road accident case

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

2nd NOVEMBER 2023